

04 SEP 2003

I

DR MAHATHIR Pengerusikan Mesyuarat IAP MSC ke Tujuh

CYBERJAYA, 4 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempengerusikan mesyuarat ke tujuh Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multi Media (MSC) yang bermula hari ini.

Mesyuarat tiga hari di Cyberview Lodge Resort itu dihadiri oleh 31 anggota IAP serta wakil-wakilnya, iaitu jumlah kehadiran paling ramai sejak 1997.

Antara mereka adalah Naib Presiden Eksekutif Motorola Inc. Gene Delaney; Presiden serta Ketua Pegawai Eksekutif SAP Asia Pacific, Hans-Peter Klaey; Naib Presiden Kanan Korporat Fujitsu, Dr Kazuo Murano; Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif, Silikon Graphic Inc Bob Bishop; Pengerusi dan Ketua Mentor, Infosys Technologies Ltd, N.R. Narayana Murthy; and dan Presiden The Heritage Foundation, Dr Edwin J. Feulner.

Turut hadir adalah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Pengerusi Multimedia Development Corporation (MDC) Tan Sri Abdul Halim Ali; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo dan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie serta Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail.

Mesyuarat itu akan mengkaji semula perkembangan serta pembangunan MSC, suatu kawasan seluas 750 km persegi yang mengunjur dari pusat bandaraya ke selatan menghala ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang, yang dikhususkan sebagai pangkalan pembangunan multimedia.

-- BERNAMA

NJ HS AZH